



**Sistem Klasifikasi
Para SUKMA XXI Sarawak 2024**

**Disediakan Oleh
Jawatankuasa Klasifikasi
Para SUKMA XXI Sarawak 2024
Majlis Paralimpik Malaysia**

**Untuk Persediaan Kontinjen Negeri, Persatuan Sukan
Kebangsaan & Anggota Klasifier Terlibat Dalam
Para SUKMA XXI Sarawak 2024**

Niat Strategik – Kearah Klasifikasi Sifar

Versi	1
Tarikh	15 Mac 2024

1. PENGENALAN AM

- 1.1. **“Tiada Klasifikasi – Tiada Sukan Para”**. Kenyataan ini memudahkan pemahaman asas dan kepentingan klasifikasi dalam Sukan Para.
- 1.2. Atlet OKU perlu dinilai sama ada mereka layak untuk bersaing dalam Sukan Para dan jika layak, mereka perlu dikumpulkan secara sistematik melalui proses klasifikasi ke dalam kelas sukan mengikut kecacatan iaitu – fizikal, penglihatan, atau intelektual.
- 1.3. Jika tidak layak, mereka tidak dibenarkan bertanding dalam Sukan Para yang dikawal selia oleh Majlis Paralimpik Malaysia.
- 1.4. Para SUKMA adalah Temasya Sukan yang dianjurkan oleh Kementerian Belia & Sukan melalui Majlis Sukan Negara Malaysia dengan kerjasama Majlis Paralimpik Malaysia, Persatuan Sukan Para Kebangsaan serta Kerajaan Negeri yang terlibat dalam penganjuran temasya sukan secara dwitahunan ini.
- 1.5. Jawatankuasa Klasifikasi Para SUKMA ditubuhkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Para SUKMA untuk mengendalikan segala aktiviti klasifikasi mengikut peraturan antarabangsa – *International Paralympic Committee Athlete Classification Code*.

2. TUJUAN

- 2.1. Sistem Klasifikasi Para SUKMA XXI Sarawak 2024 mengandungi dasar dan prosedur yang digunapakai untuk temasya Para SUKMA XXI Sarawak 2024, bertujuan untuk memberi maklumat dan panduan kepada:
 - 2.1.1. Kontinjen Negeri – Penyediaan Atlet Untuk Di Klasifikasi.
 - 2.1.2. Persatuan Sukan Kebangsaan & Ketua Delegat Teknikal (KDT) – Pengendalian Acara Sukan Bersesuaian Sistem Klasifikasi.
 - 2.1.3. Anggota Klasifikasi – Pelaksanaan Aktiviti Klasifikasi.
 - 2.1.4. Atlet Temasya – Menepati Dasar Klasifikasi.
 - 2.1.5. Penganjur Temasya – Mewujudkan Sistem Pertandingan Yang Adil.
- 2.2. MPM dan JK Penganjur Para SUKMA Sarawak bertujuan untuk menyediakan system klasifikasi yang mantap, supaya Temasya Para SUKMA dapat dijalankan dengan lancar berkonsepkan **“Kearah Klasifikasi Sifar”**.

3. OBJEKTIF

3.1. Objektif utama Sistem Klasifikasi adalah seperti berikut:

- 3.1.1. Untuk memberi peraturan klasifikasi yang jelas kepada setiap pasukan negeri dalam penyediaan pasukan masing-masing ke Para SUKMA.
- 3.1.2. Untuk memberi peraturan yang jelas kepada Persatuan Sukan Para Kebangsaan bagi mengendalikan aktiviti klasifikasi mengikut peraturan khas sukan dan kecacatan tertentu.
- 3.1.3. Untuk menjelaskan dasar dan prosedur Sistem Klasifikasi secara amnya kepada warga klasifikasi bagi membolehkan mereka menjalankan tugas klasifikasi dengan lancar.
- 3.1.4. Untuk memberi keyakinan dan keselesaan peribadi kepada atlet dalam persediaan dan semasa pertandingan.
- 3.1.5. Untuk memberi persekitaran kerja terbaik bagi memastikan proses klasifikasi dapat dijalankan dengan cara teratur mengikut peraturan.

4. SKOP

- 4.1. Setiap sukan mempunyai dasar dan prosedur tersendiri berasaskan International Federation, tetapi unsur tertentu adalah sama bagi semua sukan Para SUKMA.
- 4.2. Sistem Klasifikasi Para SUKMA memperincikan dasar dan prosedur yang terpakai kepada semua sukan dalam Para SUKMA selaras dengan garis panduan "**IPC Athlete Classification Code**" dan juga **Peraturan Am & Teknikal Para SUKMA** bagi aspek-aspek berikut:
 - 4.2.1. Struktur Sistem Klasifikasi Para SUKMA.
 - 4.2.2. Status Kelas Para SUKMA.
 - 4.2.3. Aktiviti Klasifikasi (Mengikut 3 Fasa).
 - 4.2.4. Dasar dan Prosedur Protes / Rayuan Klasifikasi.

5. STRUKTUR SISTEM KLASIFIKASI PARA SUKMA

5.1. Peraturan Am Klasifikasi.

- 5.1.1. Selain daripada peraturan dan syarat pengawalan klasifikasi yang terkandung dalam Sistem Klasifikasi, temasya dijalankan mengikut peraturan asas “**IPC Athlete Classification Code**”.
- 5.1.2. Sekiranya berlaku sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi seperti terjemahan oleh Panel Juri.
- 5.1.3. Permasalahan di luar jangkaan dan tidak dinyatakan dalam Sistem Klasifikasi akan diputuskan oleh **JK Klasifikasi Para SUKMA** dan segala keputusan yang dibuat adalah muktamad.

5.2. Jadual Garis Masa Berkaitan Klasifikasi.

Tarikh Pertandingan	Pembukaan – 22 September	Penutup – 28 September
Pendaftaran Long List	Buka – 1 Mac 2024	Tutup – 22 Mac 2024
Pendaftaran Short List	Buka – 1 Julai 2024	Tutup – 31 Julai 2024
Klasifikasi Awal	Buka Mengikut Perancangan Pasukan Negeri & Sukan	Tutup – 31 Julai 2024 Untuk Pasitikan Short List
1 September 24	JK Klasifikasi Keluarkan Jadual Klasifikasi – Untuk Kuching	
19 September 24	Ketibaan Panel Klasifikasi Di Kuching	
20 September 24	0900 – 1200 Lawatan Tapak	1400 – Sesi Evaluasi Bermula
21 September 24	Sesi Evaluasi Bersambung – Sepanjang Hari	
22 September 24	0900 – 1200 Sesi Evaluasi Bersambung & Selesai	
23 – 28 September 24	Sesi “Observation” Semasa Pertandingan	
29 September 24	Pasukan Klasifikasi Bertolak Balik Dari Kuching	


5.3. Lokasi Klasifikasi & Pertandingan

Tempat Evaluasi	a. Utama – Stadium Perpaduan b. Sekunder – Kawasan Berhampiran Kluster Sukan
Tempat Pertandingan	a. Utama – Stadium Sarawak b. Sekunder – Mengikut Peraturan Teknikal Pertandingan

5.4. Fasa Klasifikasi

Fasa 1 – Klasifikasi Awal	Fasa 2 – Penilaian	Fasa 3 – Observation
22 Mac – 31 Julai	20 – 22 September	23 – 28 September
Fasa 1 – Klasifikasi Awal – Bermula Long List Ditutup – Sehingga Short List Ditutup		
1. Kenalpasti Atlet Yang Perlu Klasifikasi.	Tindakan Oleh: JBS Negeri / Ketua Kontinjen / Ketua Pasukan Sukan	
2. Urusan MDF – Tanda Tangan Oleh Pakar Perubatan		
3. Urusan Klasifikasi – CC Akan Tentukan Klas & Status		
4. Sediakan Classification Master List		
5. Majukan Borang Protest Jika Perlu – Kepada JK Klasifikasi		
Fasa 2 – Penilaian Di Kuching – Atlet Diterima Selepas Short List & Dijadualkan Klasifikasi		
1. Mengambil Tindakan Protes Fasa 1 – Dengan Bayaran	Tindakan JK Klasifikasi / CC	
2. Melakukan Aktiviti Penilaian Klasifikasi	Tindakan Oleh CC	
3. Berhak Majukan Protes Fasa 2 – Dengan Bayaran	Tindakan Ketua Kontinjen	
4. Tentukan Acara Sukan	Tindakan Ketua Pasukan / KDT	
5. Semua Atlet Yang Layak Bertanding Terima Kad Klasifikasi	Tindakan JK Klasifikasi	
Fasa 3 – Observation Semasa Pertandingan		
1. Senaraikan Atlet Yang Perlu Observation	Tindakan CC	
2. Melakukan Aktiviti Observation	Tindakan CC	
3. Berhak Majukan Protes Fasa 3 – Dengan Bayaran	Tindakan Ketua Kontinjen	
4. Keputusan Protes / Rayuan	Tindakan JK Klasifikasi	
5. Siapkan Laporan Observation	Tindakan CC	

5.5. Organisasi JK Klasifikasi Para SUKMA.



Pengerusi	Wakil MPM – Lapor Kepada JK Tertinggi Para SUKMA
Sekretariat	2 x Wakil MPM (Klasifier Bertauliah) / 3 x Staf MPM 1 x Wakil LOC Sarawak (Lojistik Klasifikasi)
Juri Rayuan	Wakil MPM / Wakil Panel VI atau II / Wakil Panel Sukan
Ketua Panel VI	1 x Klasifier Bertauliah
Ketua Panel II	1 x Klasifier Bertauliah
Ketua Panel PI	10 x Klasifier Bertauliah – 1 Untuk Setiap Sukan
Anggota Klasifier	Setiap Panel Di Calonkan Oleh Ketua Klasifier Berkaitan

5.6. Peranan JK Klasifikasi. MPM dilantik oleh JK Tertinggi Para SUKMA Sarawak 2024 untuk mempengerusikan JK Klasifikasi Para. Tugas dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

(1)	Menetapkan Struktur Organisasi JK Klasifikasi
(2)	Melantik 12 x Ketua Klasifikasi (Chief Classifier) – 10 x PI Sukan / 1 x VI / 1 x II
(3)	Melantik Panel Klasifikasi Bertugas Di Kuching – Cadangan Oleh CC
(4)	Mengatur Kursus & Seminar Klasifikasi
(5)	Menyediakan Sistem Komputer Database Klasifikasi
(6)	Menyediakan Semua Peralatan Klasifikasi
(7)	Menyediakan Segala Keperluan Panel Klasifikasi Semasa Temasya
(8)	Menyediakan Jadual Fasa Klasifikasi Di Kuching
(9)	Mengurus Keperluan Kewangan
(10)	Menyediakan Laporan Klasifikasi Pasca Para SUKMA

5.7. Tugas & Tanggungjawab Pasukan Negeri. Setiap Pasukan Negeri perlu mengambil tindakan seperti berikut:

(1)	Lantik Pegawai Kordinasi Klasifikasi Kontinjen – Wajib (Tidak Semesti Klasifier).
(2)	Kenalpasti Status Klasifikasi Setiap Atlet Dalam Long List.
(3)	Kordinasi Dengan Panel Klasifikasi & MPM Untuk Urusan Klasifikasi.
(4)	Penjadualan Klasifikasi Awal Sebelum Atlet Bertolak Ke Kuching.
(5)	Sediakan “Classification Master List” Untuk JK Klasifikasi – Wajib Sebelum 31 Julai.

5.8. Ketua Klasifier (CC = Chief Classifier). Diberi kuasa untuk mengkordinasikan aktiviti klasifikasi. Senarai CC adalah seperti berikut:

Tugas	Nama	HP
CC VI	Datuk Prof. Dr. Rokiah binti Omar	012-303 6929
C II (AT)	Dr Aparajitha a/p Krishnan	012-398 7097
CC II (SW)	Dr Stella Jane Joseph Rajah	013-369 2358
CC PI Para Olahraga	Puan Shahreen binti Hairi Hariharan	017-380 7557
CC PI Para Renang	Dr. Mazlifah binti Omar	012-501 2804
CC PI Para Powerlifting	Encik Mohd Fadhly Mukminin bin Zakaria	017-710 4243
CC PI Para Lawn Bowl	Dr. Mohd Zaidi bin Salleh	012-420 0029
CC PI Para Badminton	Dr Syamsul Rizal bin Abu Amin	017-727 2185
CC PI Para Tenpin Bowling	Puan Siti Salwa Binti Shaik Ahmad	013-393 9036
CC PI Para Memanah	Dr. Ida Hasni binti Shaari	019-394 2673
CC PI Para Chess	Encik Noor Afendi bin Kamarudin	013-966 4696
CC PI Para Table Tennis	Puan Se To Phui Lin	019-363 1692
CC PI Boccia	Puan Ili Kamilah binti Tahir	019-331 8831

5.9. Tugas Ketua Klasifikasi (CC).

5.9.1. Bekerjasama dengan Sekretariat JK Klasifikasi & Pegawai Kordinasi Klasifikasi Kontinjen untuk mencapai Klasifikasi Sifar di Kuching.

5.9.2. Melantik Anggota Panel Klasifikasi – Klasifier Kebangsaan – Mengikut Beban Tugas Semasa Temasya Sebelum 1 Mei 2024.

5.9.3. 20 Sep 2024 – Menilai Persediaan Lokasi Klasifikasi.

- 5.9.4. 21 – 22 Sep 2024 – Melakukan Penilaian Atlet.
- 5.9.5. 23 – 28 Sep 2024 – Melakukan Aktiviti “Observation” Jika Perlu.
- 5.9.6. Menyediakan Laporan Klasifikasi Setamat Temasya.

6. STATUS KELAS PARA SUKMA

- 6.1. Klasifikasi kategori kecacatan perlu dilakukan oleh pegawai klasifikasi bertauliah antarabangsa dan diiktiraf oleh Jawatankuasa Klasifikasi Para SUKMA. Semua atlet perlu menjalani klasifikasi mengikut ketetapan berikut:

N (New)	Atlet Baru dan Tidak Pernah Di Klasifikasikan.
	a. Perlu Medical Diagnosis Form (MDF) dan dokumen sokongan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan bertauliah.
	b. Wajib hadir sesi klasifikasi untuk diberi kelas bersesuaian sebelum peluang diberi bertanding.
C (Confirm)	c. Pemerhatian semasa pertandingan akan dilakukan jika perlu.
	Atlet Tidak Perlu Menjalani Ujian Klasifikasi.
	a. Tiada bantahan dari Pasukan Negeri.
R (Review)	b. Dokumen lengkap – MDF dan Laporan Klasifikasi sebagai bukti diperlukan.
	Atlet Pernah Menjalani Ujian Klasifikasi – Tetapi Perlu Semakan Semula Pada Tarikh Yang Ditetapkan.
	a. Jika tarikh Review selepas 30 September 2024 , atlet layak bertanding tanpa sesi klasifikasi.
NE (Not Eligible)	b. Jika tarikh Review sebelum 20 September 2024 , atlet wajib hadir klasifikasi untuk diberi kelas bersesuaian bertanding. Untuk atlet yang perlu Review dalam tempoh 1 Ogos hingga 19 September – iaitu selepas Short List dibuat pada 31 Julai – atlet berkenaan harus lakukan Klasifikasi sebelum bertolak ke Kuching.
	c. Untuk menghadiri sesi klasifikasi, atlet perlu sediakan MDF dan dokumen sokongan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan bertauliah.
	Atlet Telah Menjalani Ujian Klasifikasi dan Didapati Tidak Layak Bertanding.
NE (Not Eligible)	a. Rayuan oleh pasukan boleh dilakukan jika perlu tanpa bayaran sebelum 31 Julai – Tarikh Short List Tutup.
	b. JK Klasifikasi Para SUKMA buat ketetapan jika klasifikasi semula diperlukan.

7. AKTIVITI KLASIFIKASI (Sebelum & Semasa Pertandingan)

7.1. **Aktiviti Utama** JK Klasifikasi dan Pasukan Negeri adalah seperti berikut:

JK Klasifikasi
a. Memberi Perkhidmatan Rundingan Kepada Pasukan Negeri.
b. Menyemak Classification Master List Dari Pasukan Negeri.
c. Melakukan Evaluasi Klasifikasi Mengikut Jadual.
d. Menyimpan Dokumen / Rekod Klasifikasi.
e. Menyediakan Kad Klasifikasi Atlet – Untuk Di Beri Semasa Di Kuching.
Pasukan Negeri
a. Lengkapkan MDF bersesuaian untuk tindakan Pegawai Perubatan dan majukan salinan asal dan dokumen sokongan kepada JK Klasifikasi.
b. Sediakan atlet untuk klasifikasi – ikut peraturan pakaian, jadual dan pengiring.
c. Atlet bawah umur 18 perlu pengiring semasa klasifikasi.
d. Patuhi segala arahan Panel Klasifikasi.
e. Ambil tindakan Protest atau Rayuan jika perlu – Mengikut Dasar.

7.2. Proses Klasifikasi.

- 7.2.1. Klasifikasi dijalankan melalui proses "Penilaian Atlet" – secara peribadi bagi menetapkan Kelas Para Sukan dan Status Kelas Para Sukan.
- 7.2.2. Setiap Pengurus Sukan Pasukan dan Ketua Kontinjen Negeri harus menentukan usaha untuk klasifikasi atlet pasukan dilakukan sebelum bertolak ke Kuching bagi mencapai misi – Kearah Klasifikasi Sifar.
- 7.2.3. Klasifikasi akan dilakukan oleh sekumpulan klasifier bertauliah yang dilantik oleh JK Klasifikasi Para SUKMA.

7.3. **Langkah Klasifikasi.** Dasar dan peraturan berikut perlu dipatuhi untuk melakukan pengesahan klasifikasi:

Langkah 1	Penilaian Medical Diagnosis Form (MDF) Oleh Pegawai Perubatan • Lihat Format MDF – PI / VI / II
------------------	---

Langkah 2	Penilaian PI / VI / II – Ikut Peraturan Sukan dan Kecacatan Lihat Senarai Keperluan Peralatan & Dokumentasi Penilaian
Langkah 3	Penilaian “Observation” Semasa Pertandingan Jika Perlu Ikut Arahan CC Berkenaan

7.4. Kad Klasifikasi. Atlet yang telah menjalani klasifikasi – sebelum dan semasa Para SUKMA 2024, akan di daftar dalam “Registry of Classification – Malaysia” yang disimpan oleh MPM. Semua atlet akan menerima Kad Klasifikasi MPM yang mempunyai butir status klasifikasi untuk digunapakai dalam pertandingan peringkat kebangsaan.

8. DASAR DAN PROSEDUR PROTES / RAYUAN

8.1. Dasar Protes & Rayuan. Segala peraturan berkenaan Protes & Rayuan untuk Para SUKMA adalah berasas pada International Standard for Protests & Appeals February 2018 dan juga Peraturan Am & Teknikal. Sistem Protes Para SUKMA diubahsuai dan diselaraskan mengikut praktis sebenar penganjuran temasya. Secara amnya dasar utama berkenaan protes/rayuan ialah:

8.1.1. Dibuat terhadap kelas sukan atlet – Berkaitan dengan acara sukan. Contoh – Diklasifikasi sebagai Kelas T36 untuk acara larian 100m sukan olahraga para – tidak setuju – boleh buat protes.

8.1.2. Tidak boleh dibuat berkenaan status kelas sukan atlet. Contoh – Diklasifikasi sebagai Kelas T36 (R) untuk acara larian 100m sukan olahraga para – tidak setuju status review – tidak boleh protes.

8.1.3. Tidak boleh dibuat protes berkenaan atlet yang telah diperuntukkan Kelas Sukan Tidak Layak (NE).

8.1.4. Tidak boleh buat protes berkenaan status klasifikasi atlet yang lain.

8.2. Siapa Dibenarkan Membuat Protes/Rayuan.

8.2.1. Wakil Atlet – Jurulatih.

8.2.2. Pengurus Sukan – Yang Sah & Dilantik.

8.2.3. Ketua Kontinjen atau Wakil – Yang Sah & Dilantik.

8.3. Had Masa Protes – Diubahsuai Mengikut Kesuaian Para SUKMA.

- 8.3.1. Dalam 1 Jam** – Apabila keputusan Penilaian Atlet diterbitkan. Protes mesti diserahkan kepada JK Klasifikasi melalui CC.
- 8.3.2. Dalam 15 Minit** – Apabila keputusan Penilaian Atlet diterbitkan selepas Pemerhatian Dalam Pertandingan. Protes mesti diserahkan kepada JK Klasifikasi melalui CC.

8.4. Prosedur Protes.

- 8.4.1.** Untuk menyerahkan protes, Borang Protes / Rayuan Klasifikasi Para SUKMA 2024 mesti dilengkapi dengan bukti berikut:
 - a. Nama & Sukan – Atlet Terlibat / Sukan & Acara.
 - b. Penjelasan Asas Protes – Jelas & Tepat.
 - c. Rujuk Peraturan Yang Dilanggar – Dasar IPC / Penganjur / MPM.
 - d. Yuran Protes – RM 200.00 (Kadar Dasar Penganjur).

8.5. Keputusan. Juri Rayuan akan menilai dan membuat keputusan seperti berikut:

- 8.5.1. Menolak** – Jika tidak mengikut prosedur protes. Pihak yang protes akan dimaklumkan. Yuran Protes tidak dikembalikan.
- 8.5.2. Diterima** – Jika segalanya dibuat mengikut prosedur dan berasas, dan perlu tindakan selanjut. Yuran Protes dikembalikan.

8.6. Skop Rayuan.

- 8.6.1.** Rayuan ialah proses bantahan rasmi terhadap cara Penilaian Atlet dan/atau prosedur Klasifikasi yang telah dijalankan – kelas yang diberi, tatacara penilaian dan tempat yang digunapakai untuk penilaian.
- 8.6.2.** Boleh di buat oleh Pengurus Sukan dan/atau Pengurus Pasukan.
- 8.6.3.** Juri Rayuan akan mengambil tindakan.

8.6.4. Untuk menyerahkan rayuan, Borang Protes / Rayuan Klasifikasi Para SUKMA 2024 mesti dilengkapkan, siap dengan butir berikut:

- a. Nama & Sukan – Atlet Yang Mohon Rayuan.
- b. Penjelasan Asas Rayuan.
- c. Rujuk Peraturan Yang Dilanggar / Berkaitan.
- d. Yuran Rayuan – RM 200.00

8.7. Borang Protes / Rayuan. Seperti Borang Protes / Rayuan yang disediakan.

8.8. Juri Protes / Rayuan.

8.8.1. Ketua Sekretariat / Ketua Klasifier (Di Lantik Oleh JK Klasifikasi)

8.8.2. Wakil Panel Klasifier

8.8.3. Wakil Teknikal Sukan

9. TIMELINE PENTING

9.1. Berikut adalah aktiviti dan timeline yang perlu diawasi:

Tarikh	Catatan
19 – 04 – 24	Kursus Klasifikasi Di Kuala Lumpur – Bermula
21 – 04 – 24	Kursus Klasifikasi Di Kuala Lumpur – Tamat
05 – 08 – 24	Classification Master List Dimajukan Oleh Kontinjen Kepada JKK
05 – 09 – 24	Pengeluaran Jadual Klasifikasi Oleh JK Klasifikasi
19 – 09 – 24	Klasifier Sampai Di Kuching
20 – 09 – 24	Lawatan Ke Tapak Klasifikasi & Taklimat Oleh Pasukan Klasifikasi
21 – 09 – 24	Penilaian Atlet Bermula
22 – 09 – 24	Penilaian Atlet Tamat
23 – 09 – 24	Pemerhatian Atlet Bermula (Observation Begins)
28 – 09 – 24	Pemerhatian Atlet Tamat (Observation Ends)
29 – 04 – 24	Klasifier Bertolak Balik Dari Kuching

9.2. Laporan JK Klasifikasi. Laporan Klasifikasi Para SUKMA XXI Sarawak 2024 perlu dibuat sebelum 30 Nov 24 oleh pihak berkenaan seperti berikut:

9.2.1. Setiap Ketua Klasifier.

9.2.2. Setiap Ketua Kontinjen.

10. SENARAI SEMAK (CHECKLIST)

Senarai Keperluan Klasifikasi – Physical Impairment

1. Bawa Borang Lengkap – Perjanjian Klasifikasi Asal & 1 Salinan.
2. Bawa Kad Pengenalan Asal & 1 Salinan.
3. Bawa Kad OKU Asal & 1 Salinan.
4. Bawa Dokumen Asal – Medical Diagnostic Form PI Berasas Sukan Berkekaan.
5. Dokumen Sokongan – Seperti Laporan Perubatan, X-Ray / MRI / Ashworth Scale / ASIA Scale.
6. MDF Di Cop & Tanda Tangan Oleh Pegawai Perubatan Bertauliah **Sahaja**.
7. Majukan Kepada Majlis Paralimpik Malaysia melalui emel:
sports@paralympic.org.my
8. Perlu Dimuat Naik (Uploaded) Ke Laman Sistem Klasifikasi – Butir Akan Diberi.

Senarai Keperluan Klasifikasi – Visual Impairment

1. Bawa Borang Lengkap – Perjanjian Klasifikasi Asal & 1 Salinan.
2. Bawa Kad Pengenalan Asal & 1 Salinan.
3. Bawa Kad OKU Asal & 1 Salinan.
4. Bawa Dokumen Asal – Medical Diagnostic Form VI Berasas Sukan Berkekaan.
5. Dokumen Sokongan – Seperti Laporan Status Mata – OCT / VEP / ERG.
6. MDF Di Tanda Tangan Oleh Pegawai Penilaian Penglihatan Rendah – Pakar Optometris. Di Cop & Tanda Tangan oleh Pakar Oftalmologi **Sahaja**.
7. Majukan Kepada Majlis Paralimpik Malaysia melalui emel:
sports@paralympic.org.my
8. Perlu Dimuat Naik (Uploaded) Ke Laman Sistem Klasifikasi – Butir Akan Diberi.

Senarai Keperluan Klasifikasi – Intellectual Impairment

1. Bawa Borang Lengkap – Perjanjian Klasifikasi Asal & 1 Salinan.
2. Bawa Kad Pengenalan Asal & 1 Salinan.
3. Bawa Kad OKU Asal & 1 Salinan.
4. Bawa Dokumen Asal – Medical Diagnostic Form II.
5. Dokumen Sokongan – Laporan Psikologi IQ, Laporan Tingkah Laku Adaptif Vineland dan Surat Bukti dari Guru Besar Sekolah Mengesahkan Status II.
6. MDF Di Cop & Tanda Tangan Oleh Pakar Psikologi Klinikal **Sahaja**.
7. Majukan Kepada Majlis Paralimpik Malaysia melalui emel:
sports@paralympic.org.my
8. Perlu Dimuat Naik (Uploaded) Ke Laman Sistem Klasifikasi. Butir Akan Diberi.

Dokumen Sokongan Klasifikasi	
Lampiran 1	Borang Lantikan Pegawai Kordinasi Klasifikasi Kontinjen
Lampiran 2	Perjanjian Klasifikasi Kelayakan Atlet Para SUKMA
Lampiran 3	Format Classification Master List
Lampiran 4	Borang Rayuan / Protes Klasifikasi
Lampiran 5	Medical Diagnostic Form – Physical Impairment
Lampiran 6	Medical Diagnostic Form – Visual Impairment
Lampiran 7	Medical Diagnostic Form – Intellectual Impairment

Edisi Sistem Klasifikasi ini dibuat kali pertama dan tertaklok pada pindaan dari masa ke semasa oleh JK Klasifikasi mengikut maklumbalas dari semua pihak terlibat dalam temasya Para SUKMA – demi untuk menjamin pelaksanaan aktiviti klasifikasi dapat dijalankan dengan baik – untuk mencapai Kearah Klasifikasi Sifar. Sekian.